

# Makalah

WADAH SIARAN PUSAT ISLAM UMK



## SISWA #QuranHour




**EDISI 4**  
JAN – JUN 2019

ISSN 2682-7603



9 772682 760008

# Sidang Editorial



## Penasihat

Azhar bin Muhammad  
Mohd Zain bin Mubarak

## Ketua Editor

Wan Mohd Amir bin Yusoff

## Penolong Ketua Editor

Mohd Hafizhuddin bin Mat Nazir  
Norma binti Abdullah

## Sidang Editor

Muhd Khalid El-Muhammady bin  
Muhd Uthman El-Muhammady  
Mohd Binyamin bin Che Yaacob  
Nor Zakwan bin Che Musa  
Nik Mohd Idham Shah bin  
Nik Mohamed

## Fotografi

Khairudin bin Mat Lazim

## Percetakan dan Edaran

Mohd Noor Redza bin Zakaria  
Intan Naquiah binti Abdul Rahim

Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

## EDITOR MAKALAH

Pusat Islam UMK  
Tel : 09-7797474

Emel : pusatislam@umk.edu.my  
Facebook : PUSAT ISLAM UMK

# Kalam PENGARAH



Syukur ke hadrat Allah Subhanu wa Ta'ala, Makalah Edisi 4 ini dapat berada di persada pembacaan umum sekali lagi dengan penampilan yang makin menyerlah. Makalah merakamkan kewujudan Pusat Islam UMK sebagai sebuah pusat yang menjadi nadi kepada peningkatan kerohanian sama ada dalam kalangan warga UMK dan komuniti setempat.

Diharapkan makalah ini dapat dijadikan sebagai wadah penghubung menyalurkan sumber dan jaringan maklumat tentang keberadaan Pusat Islam di UMK. Peranan yang dimainkan oleh Pusat Islam bukan sekadar pengendalian urusan masjid dan solat sahaja, bahkan lebih daripada itu; merangkumi perkhidmatan berbentuk kerohanian, pendidikan, dan bimbingan kepada semua pihak di universiti mahu pun masyarakat luar kampus. Pelaksanaan mempertingkatkan semua program dan aktiviti yang dirancang oleh Pusat Islam UMK akan terus dilaksanakan sebagai satu usaha memperkenalkan universiti sebagai pusat pendidikan terulung yang turut memberikan saham terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Pusat Islam UMK telah mengorak langkah lebih terkehadapan pada tahun 2019 ini apabila berjaya menggerakkan program-program berskala besar yang memberikan impak positif bukan sahaja dalam kalangan warga universiti bahkan institusi-institusi lain serta masyarakat luar. Program berfokuskan kepada staf dipertingkatkan dengan memperkenalkan program "Sejam Bersama Al-Quran" dan "Kerja Till Jannah" yang dilaksanakan secara berkala giliran setiap minggu. Program "Siswa Quran Hour" yang melibatkan seluruh institusi pengajian tinggi di negeri Kelantan dapat direalisasikan bersama Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan. Bagi menghubungkan jaringan kerjasama antara pusat dan unit yang mengendalikan hal ehwal Islam dalam kalangan institusi pengajian tinggi di negeri Kelantan pula, Pusat Islam telah mempelopori satu pertemuan dalam Konvensyen Pentadbir Hal Ehwal Islam IPT Negeri Kelantan. Kebajikan pelajar juga telah diperkasakan dengan pengurusan zakat dan infak yang dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pelbagai bentuk bantuan telah diwujudkan bagi membantu pelajar-pelajar yang dikenal pasti memerlukan sokongan bantuan. Ini antara program dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, malah banyak lagi yang dapat ditelusuri melalui pembacaan dalam Makalah nanti.

Terima kasih kepada semua pihak yang memberikan sumbangan idea dan tenaga dalam menjayakan penerbitan Makalah kali ini. Penerbitan ini perlu diteruskan mengikut agendanya bagi bermatlamatkan pendokumentasian dan penampilan imej Pusat Islam sebagai sebuah pusat perkhidmatan keagamaan di institusi pengajian tinggi.

Sekian, wassalam.

PROF. MADYA DR. AZHAR BIN MUHAMMAD  
Pengaroh  
Pusat Islam UMK



## Tinta

KETUA EDITOR

Alhamdulillah dengan rahmat dan izin Allah S.W.T, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi dapat menerbitkan Makalah bagi Edisi ke-4 (Januari – Jun 2019).

Makalah keluaran kali ini menyajikan pelbagai maklumat berkaitan program-program yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam UMK bagi bulan Januari – Jun 2019. Di samping itu, makalah ini juga diisi dengan dua artikel ilmiah yang menyentuh berkaitan dengan Etika Keusahawanan Islam dan Kewajipan Berzakat.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua unit dan staf Pusat Islam UMK yang telah banyak membantu dalam proses menerbitkan makalah kali ini.

Akhir kalam, semoga makalah ini dapat dijadikan salah satu bukti usaha dan kejayaan Pusat Islam UMK dalam melaksanakan program-program pembangunan rohani, kebajikan serta kemasyarakatan kepada staf, pelajar dan komuniti setempat. Saya mewakili Pusat Islam UMK mengalu-alukan sebarang cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami. Semoga segala sumbangan yang diberikan samada secara langsung atau tidak langsung akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, wasalam.

Wan Mohd Amir bin Yusoff

# Kandungan

PERKARA	MUKA SURAT
Sidang Editorial & Kalam Pengarah	2
Tinta Ketua Editor & Isi Kandungan	3
Berzakat Menambah Berkat	4
Etika Keusahawanan Menurut Islam	6
Sejam Bersama al-Quran	9
Siswa #QuranHour	10
Majlis Penyerahan Bantuan Zakat Pelajar & Staf UMK	12
Konvensyen Pentadbir Hal Ehwal Islam IPT Negeri Kelantan	13
Kunjungan YADIM Kelantan ke Pusat Islam UMK	14
Bantuan Tiket Balik Kampung	14
Lawatan Penanda Aras Pusat Islam UMK ke UniMAP, KUIPs & UUM	15
Lawatan Rumah Pelajar Asnaf	16
Daurah Kitab	17
Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Ekonomi Masjid & Lawatan Kerja ke Masjid-Masjid di Singapura	17
lhya' Ramadan 1440H @PIUMK	18
300 Pelajar Terima Manfaat Program Kupon Makan Percuma PIUMK	20
We Are Khalifah	21
Kempen Kesedaran Halalan Tayyiban & Kursus Sembelihan	22
Kem Bestari Solat	23
Seminar Kecemerlangan Mahasiswa	24
Ziarah Mahabbah Keluarga Staf Meninggal Dunia	24
Gerobok @PIUMK	25
Rakaman Takbir Raya Aidilfitri 1440H/2019M	25
Lawatan Penanda Aras Pusat Islam UTeM ke Pusat Islam UMK	26
Kerja Till Jannah: #BersamaKeSyurga	27
Program Singgah Sahur	27
Jelajah Sinar Ramadan	28
Bicara Ambang Ramadan	29
Pusat Islam UMK ke Bahagian Penguatkuasaan JAHEAIK	30
Ziarah Mahabbah Pelajar Sakit	31
Lensa @PIUMK	32
Info @PIUMK	34

# BERZAKAT Menambah Berkah

Oleh: Azhar bin Muhammad

Zakat adalah hak Allah, zakat adalah salah satu daripada rukun Islam yang lima, dan berstatus sebagai fardu ain ke atas setiap orang Islam yang cukup syaratnya. Jadi menunaikan zakat adalah satu ibadat yang perlu dilakukan oleh orang-orang beriman sebagai memenuhi tuntutan pengabdian diri terhadap Allah Subhanu wa Ta'ala. Sebenarnya zakat bertujuan membersihkan harta yang dimiliki oleh individu, bukan untuk mengurangkan harta tersebut. Hal ini telah diakui oleh Allah Subhanu wa Ta'ala dalam surah al-Taubah (9:103) yang bermaksud:

*“Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk) (tutahhiruhum wa tuzakkihim)”*.

Maksud “tutahhiruhum wa tuzakkihim” dalam ayat ini ialah melalui pengeluaran zakat daripada harta tersebut dapat membersihkan manusia daripada sifat bakhil dan tamak, melindungi mereka daripada berpandangan buruk terhadap orang-orang fakir miskin dan dapat mendidik jiwa manusia. Jiwa dapat dibangunkan dengan kebaikan dan keberkatan hingga melayakkan mereka (orang yang mengeluarkan zakat) sebagai orang yang berbahagia di dunia dan akhirat.

Sebenarnya banyak ganjaran yang disediakan oleh Allah kepada orang-orang yang mengeluarkan zakat. Orang yang mengeluarkan zakat akan mendapat keampunan daripada segala dosa yang dilakukan dan akan ditempatkan di syurga Allah Subhanu wa Ta'ala. Firman Allah dalam surah al-Maidah (3:12) yang bermaksud:

*“Demi sesungguhnya jika kamu dirikan solat, serta tunaikan zakat, dan beriman dengan segala Rasul (utusan-Ku) serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan agama Allah), dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalan-Nya) secara pinjaman yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia), sudah tentu Aku akan ampunkan dosa-dosa kamu, dan Aku akan masukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai”*.

Seorang muslim yang merdeka, memiliki harta yang sempurna, cukup kadarnya (nisab) dan cukup tempoh masanya (haul); maka ia telah menepati syarat-syarat yang mewajibkan ke atasnya mengeluarkan zakat daripada harta masing-masing. Apabila telah cukup syarat ini, wajiblah bagi seseorang itu mengeluarkan zakat dengan kadar yang segera, tidak melambat-lambatkannya, apatah lagi cuba mengelak untuk tidak mengeluarkannya. Perbuatan seumpama ini adalah satu dosa yang besar dalam Islam dan wajib bagi seorang muslim menjauhinya.

Sebab itu Allah Subhanu wa Ta'ala mengingatkan umat Islam supaya bersegera menunaikan kewajipan berzakat, sebelum saat kematian tiba. Ibnu Abbas radiallahu'anhu pernah berkata bahawa sesiapa yang telah wajib baginya untuk mengeluarkan zakat, tetapi tidak mahu mengeluarkannya, kelak orang ini akan meminta untuk dikembalikan ke dunia selepas kematiannya. Lalu seseorang mengatakan kepadanya: “Wahai Ibnu Abbas! Takutlah kamu kepada Allah, sesungguhnya yang meminta untuk dikembalikan ke dunia hanyalah orang yang kafir sahaja”. Ibnu Abbas menjawab: “Aku akan membacakan kepada kamu satu ayat yang menceritakan perkara ini (ayat 10, surah al-Munafiqun). Terjemahan ayat:

*“Dan belanjakanlah (kelurkanlah zakat) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal matiku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah (mengeluarkan zakat) dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang yang soleh”*.

Allah memberi amaran keras terhadap orang yang kaya tetapi bersifat kedekut kepada golongan yang lemah. Ibnu Ma'sud radiallahu'anhu pernah menegaskan dosa tidak mengeluarkan zakat ini boleh menyebabkan seseorang itu diseksa pada hari akhirat nanti. Beliau menyebut firman Allah Subhanu wa Ta'ala mengenai perkara ini dalam surah al-Taubah (10:35) yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang pedih. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dan dibakar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab daripada) apa yang kamu simpan itu.”*

Jika ditanya kenapa seksaan ini dikenakan terhadap dahi, rusuk dan belakang orang yang tidak mengeluarkan zakat? Sebabnya mudah sahaja, kerana orang yang kaya dan bakhil itu apabila melihat orang fakir atau miskin akan berkerutlah dahi mereka, mengusap-gusap dada dan rusuk mereka, dan apabila orang fakir tersebut datang, mereka akan memalingkan belakang mereka, menjauhkan diri mereka serta mengelak daripada mengeluarkan sedekah atau zakat. Jadi memang sepatutnyalah dahi, rusuk serta belakang mereka diselar dan dibakar dengan kepanasan.

Hari ini kewajipan berzakat amat mudah untuk dilakukan. Semua jabatan agama dan pusat pungutan zakat di seluruh negeri sentiasa membuka kaunter pembayaran zakat untuk kemudahan dan keselesaan bagi yang ingin berzakat. Bahkan amil-amil khas yang dilantik merangkumi seluruh jabatan kerajaan, bahkan institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara. Zakat pendapatan dan harta juga boleh dilakukan dengan cara yang lebih mudah lagi iaitu dengan membuat potongan gaji secara bulanan. Malah di Malaysia, umat Islam patut merasa bertuah kerana bayaran zakat diambil kira dalam perkiraan semasa membuat pembayaran cukai pendapatan tahunan individu.

Walau bagaimanapun terdapat ramai lagi dalam kalangan orang Islam yang buat macam “tidak tahu” dan mengabaikan pembayaran zakat ini. Masih ramai lagi umat Islam yang tidak membayar zakat walaupun telah menepati syarat yang ditetapkan. Adakah keengganan dan kedegilan untuk membayar zakat ini kerana kurangnya maklumat mengenai kewajipan

berzakat?. Atau mungkin ada yang berpandangan dengan berzakat boleh merugikan dan menjejaskan pendapatan masing-masing?

Berkemungkinan pengabaian terhadap ibadat zakat ini berlaku kerana beberapa sebab seperti sayangkan harta dan ada sifat bakhil dalam diri masing-masing. Bagi mengelakkan diri daripada terjebak dalam jenayah tidak membayar zakat ini, maka seorang muslim perlu mengambil perhatian terhadap beberapa perkara. Antaranya ialah kesedaran bahawa zakat merupakan salah satu rukun Islam, mereka yang enggan membayar zakat adalah berdosa di sisi Allah Subhanu wa Ta’ala. Setiap muslim perlu sedar bahawa harta yang tidak dizakatkan itu masih bercampur dengan hak orang lain. Jadi bagaimana dengan status perbelanjaan dan makan minum yang diberikan kepada keluarga masing-masing sekiranya berlaku pencabulan ke atas hak orang lain.

Sayugia diingatkan bahawa harta yang dizakatkan pasti akan bertambah kesuburannya dan harta yang tidak dizakatkan itu pasti akan hilang keberkatannya

dan akan berakhir dengan kemusnahan. Seorang muslim sepatutnya mengelak diri daripada mengikuti jalan insan tamak lagi haloba seperti Qarun yang menerima penghinaan di akhirat akibat terlalu berkira dalam menginfakkan harta terhadap golongan lemah. Ikuti dan hayati sirah kejayaan insan-insan yang pemurah lagi penyayang seperti

Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq radiallahu’anhu yang sanggup membelanjakan semua hartanya kepada jalan kebajikan. Hayatilah firman Allah Subhanu wa Ta’ala dalam surah Ali Imran, 3:180 yang bermaksud:

*“Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil itu menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka, bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu (harta yang mereka tahan) pada leher mereka pada hari kiamat kelak.”*

Takutilah peringatan Allah ini. Marilah berzakat; berzakat akan menyuburkan lagi harta, berzakat membawa berkat!

**“Zakat pendapatan juga boleh dilakukan dengan cara yang lebih mudah lagi iaitu dengan membuat potongan gaji secara bulanan”**

# ETIKA KEUSAHAWANAN

## M e n u r u t I S L A M

Oleh: Mohd Zain bin Mubarak

Aktiviti keusahawanan merupakan suatu ibadah dalam memenuhi keperluan hidup manusia dan juga manifestasi terhadap hubungan manusia dengan Pencipta dan juga hubungan sesama manusia. Ia menjadikan kegiatan keusahawanan berkait rapat dengan elemen spiritual dan material atau keseimbangan dalam memenuhi keperluan hidup di dunia dan di akhirat. Penulisan ini mengemukakan 10 etika keusahawanan yang dianjurkan dalam Islam bersandarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan juga hadis Rasulullah SAW. Etika keusahawanan ini bukan sahaja merupakan suatu amalan yang dituntut dalam kerangka adab dan nilai Islam malah turut berperanan terhadap kejayaan sesuatu aktiviti keusahawanan.

### 1) Niat

Niat merupakan aspek penting membezakan antara sesuatu perbuatan menjadi adat atau ibadat. Justeru niat memainkan peranan penting menjadikan sesuatu amalan dan perbuatan itu sebagai ibadat serta mendapat ganjaran di sisi Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

*“Sesungguhnya segala amalan bergantung kepada niat, dan setiap perkara itu adalah apa yang diniatkan...”*

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam konteks keusahawanan, aspek niat ini berperanan dalam menentukan penglibatan seseorang dalam aktiviti keusahawanan bukan semata-mata mencari kekayaan atau keuntungan tetapi keredaan dan ganjaran dari-Nya. Begitu juga aspek niat sebagai pemangkin terhadap setiap tindakan keusahawanan agar mengikut batas syariat dan menjadikannya sebagai suatu ibadat yang turut menyumbang kepada saham di akhirat.

### 2) Kejujuran dan Amanah

Kejujuran dan amanah merupakan aspek terpenting dalam etika keusahawanan Islam. Rasulullah SAW menyebut bahawa usahawan yang jujur dan amanah mendapat tempat istimewa di sisi Allah SWT dengan sabdanya yang bermaksud;

*“Peniaga yang jujur dan amanah (dihimpunkan) bersama para nabi, siddiqin dan syuhada' di akhirat nanti”.*

(Riwayat Tirmidzi)

Sikap jujur dan amanah dapat menjanjikan kejayaan dalam aktiviti keusahawanan dari sudut mendapat kepercayaan pelanggan, kualiti produk dan juga perkhidmatan. Usahawan yang jujur dan amanah akan menepati janji dan menunaikan hak dalam segala urusan mereka. Meskipun aspek kejujuran dan amanah dalam perniagaan masa kini menjadi cabaran besar namun realiti menunjukkan ramai usahawan yang bersikap sebegini mampu berjaya dan cemerlang dalam perusahaan yang dijalankan.

### 3) Mengingati Allah (Tidak Leka Untuk Beribadat)

Salah satu etika dalam keusahawanan Islam adalah tidak leka daripada beribadat kepada Allah SWT. Meskipun sibuk dengan tuntutan dan aktiviti keusahawanan seorang usahawan Islam perlu memastikan tidak lalai daripada menunaikan tanggungjawab kepada Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 37 yang bermaksud;

*“Lelaki yang tidak dilalaikan oleh perniagaan dan tidak (pula) oleh jual beli dari mengingati Allah, dan (dari) mendirikan sembahyang, dan (dari) membayarkan zakat. Mereka takut kepada suatu hari yang hati dan penglihatan menjadi goncang”*

Salah satu syarat menjadikan aktiviti keusahawan menjadi ibadat dan mendapat ganjaran di sisiNya adalah tidak melalaikan usahawan daripada mengingati Allah SWT sama ada tuntutan farduin dan kifayah. Malah usahawan berjaya adalah mereka yang dekat kepada Tuhannya melalui ibadat-ibadat khusus dan umum bagi menguatkan jiwa dan memperoleh keberkatan dariNya.

#### 4) Tolak Ansur dan Memudahkan

Sebagai usahawan, Rasulullah SAW juga menitikberatkan soal tolak ansur dan memudahkan dalam mengurus niaga. Sikap ini bukan sahaja dituntut Islam malah bertujuan menjaga hubungan dan membina reputasi menjadi seorang yang senang didampingi. Ini juga merupakan antara faktor bagaimana Baginda dikenali sebagai usahawan berjaya. Sabda Rasulullah SAW bermaksud;

*“Allah merahmati seorang lelaki yang bertolak ansur jika menjual, membeli dan mengutip hutang”*

(Riwayat Bukhari)

Bertolak ansur dan memudahkan itu bermaksud pendekatan peniaga yang menyenangkan pembeli seperti ketika urusan tawar menawar. Peniaga menggunakan bahasa atau kaedah komunikasi yang harmoni terhadap pelanggan, tidak meletak harga terlalu tinggi dan tidak terlalu memikirkan soal keuntungan. Perkara ini disarankan oleh Rasulullah SAW dan merupakan etika penting dalam mengurus niaga malah dapat menyumbang kepada kejayaan dalam perniagaan seseorang.

#### 5) Sucikan Perniagaan Dengan Sedekah

Sungguhpun perniagaan adalah suatu pekerjaan yang dituntut dalam Islam namun ia juga boleh mendedahkan pelakunya kepada dosa dan kemurkaan Allah SWT. Ini boleh berlaku samada secara sedar atau tidak sedar oleh peniaga seperti contoh kesilapan atau penipuan kepada pelanggan mengenai kualiti barang jualan dan seumpamanya. Justeru, bagi mengimbangi keadaan ini Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud;

*“Wahai para peniaga, sesungguhnya syaitan dan dosa mengiringi dalam urusan berjual beli, maka suburkan (amalkan) jual beli kamu dengan sedekah”*

(Riwayat Tirmidzi)

Hadis ini menganjurkan peniaga agar membiasakan diri untuk bersedekah semasa mengurus niaga. Amalan sebegini diharap dapat mengimbangi kekurangan atau kesilapan penjual jika ada sewaktu mengurus niaga dengan amalan bersedekah bagi mendapatkan pahala dan keberkatan di sisi Allah SWT. Perkara ini biasa kita lihat dalam urusan jual beli dengan sesetengah penjual terutamanya golongan tua yang memberi lebih barang yang dibeli khususnya yang bersifat timbangan.

#### 6) Jauhi Rasuah

Amalan rasuah dimurkai oleh Allah SWT dan boleh berlaku dalam pelbagai urusan kehidupan termasuklah aktiviti keusahawanan. Setiap pelaku sama ada pemberi atau penerima adalah dilaknat sebagaimana maksud hadis Rasulullah SAW yang bermaksud;

*“Allah melaknat terhadap pemberi dan penerima rasuah”*

(Riwayat Ahmad)

Usahawan muslim perlu menjauhi amalan rasuah yang kebiasaannya dikaitkan dengan tujuan mendapatkan peluang perniagaan tertentu. Perlu diyakini bahawa amalan keusahawanan Islam menitikberatkan kejujuran, ketelusan serta penghayatan konsep tawakal terhadap anugerah rezeki daripada Allah SWT. Ukuran kejayaan bukan berasaskan keuntungan material sahaja di samping elemen keberkatan turut mempengaruhi pencapaian usahawan secara keseluruhan.

#### 7) Membayar Hutang

Aktiviti keusahawanan tidak dapat lari daripada tanggungan hutang atau bayaran kepada pihak tertentu. Islam menganjurkan agar hak orang lain atau hutang perlu ditunaikan sebaik mungkin. Ia bukan sahaja suatu amanah malah merupakan sesuatu yang mempengaruhi reputasi dan juga aspek pengurusan kewangan berkesan yang membawa kepada kejayaan usahawan. Rasulullah SAW bersabda dalam hal ini yang bermaksud;

*“Sesiapa mengambil harta orang lain (berhutang) dan berniat akan membayarnya, maka Allah akan menunaikan (bantu) niatnya itu, tetapi sesiapa yang mengambilnya dengan niat akan membinasakannya, (tidak membayar) maka Allah akan membinasakannya”*

(Riwayat Bukhari)

Kesungguhan terhadap kepentingan membayar hutang atau hak orang lain itu akan diberi kemudahan oleh Allah SWT, manakala mereka yang tidak bertanggungjawab terhadap tanggungan hutang tersebut tidak mendapat keberkatan malah dikutuk oleh Allah SWT dengan kebinasaan.

### 8) Menyempurnakan Timbangan & Sukatan

Menyempurnakan timbangan dan sukatan adalah antara etika penting dalam perniagaan. Ia merupakan satu prinsip umum dalam konteks berlaku adil dan jujur sewaktu berurusan antara peniaga dan pembeli. Usahawan perlu memastikan produk atau perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut kualiti dan kuantiti yang dipersetujui bersama. Perkara ini banyak disebut melalui nas syarak antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Syu'ara ayat 181 yang bermaksud;

*“Dan hendaklah kamu menyempurnakan sukatan, dan janganlah kamu menjadi golongan yang merugikan orang lain”.*

Aspek kejujuran usahawan dengan menyempurnakan timbangan dan sukatan ini dituntut dalam Islam malah ia juga merupakan amalan penting yang boleh membawa kejayaan sesuatu aktiviti perniagaan kerana bukan sahaja mendapat keberkatan di sisi Allah SWT tetapi juga reputasi usahawan di mata pelanggan dan masyarakat.

### 9) Elak Bersumpah

Amalan bersumpah dalam urusan berjual beli adalah dilarang. Perkara ini kadang-kadang menjadi kebiasaan dan boleh berlaku kepada peniaga sewaktu berkempen mengenai barangan atau produk yang ingin dijual kepada pembeli.

Islam menegah amalan bersumpah dalam urusan jual beli berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

*“Sumpah boleh melariskan jualan (tetapi menghilangkan keberkatan”*

(Riwayat Bukhari)

Apabila penjual bersumpah maka sedikit sebanyak boleh mempengaruhi pelanggan namun dikhuatiri amalan tersebut disalah guna dan terdedah kepada elemen penipuan. Malah amalan bersumpah dalam urusan jual beli juga ditegah meskipun apa yang disumpah itu adalah perkara yang betul dan benar.

### 10) Memulakan Perniagaan Pada Awal Pagi

Islam menggalakan umatnya memulakan segala urusan kehidupan apatah lagi perniagaan di awal pagi kerana padanya berkat. Maknanya seorang muslim memulakan kehidupan di awal pagi dengan bangkit untuk menunaikan solat subuh dan terus menjalankan urusan harian. Perkara ini disebut dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud;

*“Berpagi-pagilah dalam mencari rezeki, sesungguhnya berpagi-pagi itu berkat dan memperoleh kejayaan”*

(Riwayat al-Tabarani)

Seseorang usahawan walau dalam apa jua bidang perusahaan yang diceburi perlu mengamalkan urusan perniagaan dan harian dilaksanakan seawal pagi keana pintu rezeki terbuka luas dan berkat berdasarkan kepada hadis di atas. Sakhr yang merupakan salah seorang sahabat dan ahli perniagaan mengamalkan sunnah Rasulullah SAW dalam kebanyakan urusan mengikut hadis riwayat Abu Daud dan ini termasuklah memulakan aktiviti perniagaannya di awal pagi. Hasilnya perniagaan beliau berkembang maju dan mendapat keuntungan melimpah ruah.

## Etika Keusahawanan M E N U R U T I S L A M

1	Niat	6	Jauhi Rasuah
2	Kejujuran & Amanah	7	Membayar Hutang
3	Mengingati Allah (Tidak Leka Untuk Beribadat)	8	Menyempurnakan Timbangan & Sukatan
4	Tolak Ansur & Memudahkan	9	Elak Bersumpah
5	Sucikan Perniagaan Dengan Sedekah	10	Memulakan Perniagaan Pada Awal Pagi



# SEJAM BERSAMA AL-QURAN

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady

Unit Pendidikan dan Pembangunan Insan (UPI) bertanggungjawab menyelaras program Sejam Bersama Al-Qur'an. Program Sejam Bersama Al-Qur'an (SBQ) sebelum ini dikenali dengan Program Majlis Budaya Ilmu.

Kali ini program diberi nafas baru dengan menyajikan ayat-ayat terpilih dalam Al-Qur'an untuk dikupas oleh pembimbing dalam kalangan staf Pusat Islam UMK. Antara objektif pengajuran SBQ adalah sebagai platform memahami ayat-ayat al-Quran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian berlandaskan syariah dan aqidah yang muktabar serta membudayakan cinta ilmu dalam kalangan staf UMK.

Program ini dilaksanakan dua kali sebulan iaitu minggu pertama dan minggu ketiga setiap hari khamis bermula 8.30 pagi sehingga 9.30 pagi dan ia berlangsung serentak di ketiga-tiga kampus.

Pihak universiti akan memberikan kredit jam latihan kepada staf yang hadir ke program tersebut dan dikira sebagai program pembangunan kerohanian staf. Program keilmuan ini sangat mengalakkan dalam kalangan staf UMK.



# SISWA #QuranHour

Oleh: Nor Zakwan bin Che Musa

**BACHOK, 17 MAC 2019** - Pusat Islam UMK dan Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan (PRNNK) mencipta sejarah apabila buat pertama kali menghimpunkan hampir 1,000 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) dari seluruh negeri Kelantan membaca al-Quran sempena Siswa Quran Hour.

Program bersama Rumah Ngaji ini disertai beberapa universiti awam dan swasta antaranya UMK, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Politeknik Kota Bharu, Matrikulasi Kok Lanas, Tahfiz MAIK, Twin Tech Kolej, Institut Pendidikan Guru Kota Bharu dan Kolej Teknologi Darul Naim.

Program julung kali ini diadakan supaya dapat diterapkan kepada pelajar tentang konsep pengamalan bacaan al-Quran iaitu membaca, memahami dan mengamalkannya terutamanya kepada generasi muda.

Majlis dimulakan bacaan ayat-ayat suci al-Quran dari surah al-Mukminun yang dialunkan oleh al-Fadhil

Ustaz Abdullah Fahmi, Johan Qari Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa dan seterusnya diikuti dengan sesi tadabbur dan tazakur oleh Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK. Melalui surah al-mukminun, umat Islam diajar oleh Allah S.W.T untuk mengamalkan beberapa tips atau perkara untuk menjadi orang yang berjaya. Antara tipsnya adalah mendirikan solat dengan khusyuk, menjauhkan diri daripada perkara yang tidak berguna dan sia-sia, menunaikan zakat, memelihara kemaluan, memelihara amanah dan janji, menjaga solat.

Majlis turut dihadiri Naib Canselor UMK, Prof. Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail, Pengerusi PRNNK, Datuk Mejar (B) Hj. Adnan Hashim, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Ts. Dr. Zaliman bin Sauli serta dhif-dhif kehormat yang lain.

Pada akhir program tersebut, satu sidang media telah diadakan di bilik VIP Pusat Islam yang berkisar tentang program ini dan isu-isu semasa tempatan dan luar negara.





## PROMO SISWA #QuranHour DI RADIO TELEVISYEN KELANTAN.FM

Pusat Islam UMK dengan kerjasama Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan telah mengadakan satu temubual bersama Radio Televisyen Malaysia Kelantan di konti stesyen radio terbabit bagi mempermosikan program Siswa Quran Hour Peringkat Negeri Kelantan. Antara tetamu yang hadir yang mewakili Pusat Islam UMK ialah Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam dan Datin Norhani binti Afandi, Timbalan Pengerusi Persatuan Rumah Ngaji Negeri Kelantan. Antara Initipati semasa mempromosikan program ini adalah perkongsian tentang objektif penganjuran program dan menjemput semua Institusi Pengajian Tinggi di negeri Kelantan untuk turut serta dalam program kali ini. Selain itu, pihak penganjur berkongsi surah yang akan dfokuskan dalam program ini bagi memudahkan peserta mendapat gambaran yang lebih awal program yang dianjurkan ini.



# BANTUAN ZAKAT PELAJAR DAN STAF UMK

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

**PENGKALAN CHEPA, 17 APRIL 2018** – Majlis Penyerahan Bantuan Zakat Pelajar dan Staf UMK telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat UMK Kampus Kota. Majlis tersebut disempurnakan oleh Prof. Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK.

Dalam majlis tersebut sebanyak RM175,800.00 bantuan zakat telah diagihkan kepada 210 orang pelajar asnaf UMK dan 98 orang anak staf. Bantuan tersebut ialah Bantuan Sokongan Pengajian kepada 200 orang pelajar asnaf UMK yang mempunyai keluarga berpendapatan isi rumah RM1,000 ke bawah. Bantuan diberikan sebanyak RM500 setiap seorang untuk meringankan beban kewangan mereka. Bantuan lain ialah Bantuan Saraan Pengajian yang diserahkan kepada pelajar asnaf terpilih iaitu bantuan kewangan secara bulanan. Pusat Islam UMK telah membuat lawatan ke rumah-rumah pelajar asnaf yang memohon untuk melihat lebih dekat kehidupan mereka. Seramai 10 orang pelajar dipilih pada sesi kali ini untuk menerima bantuan bulanan sebanyak RM300 sebulan sepanjang pengajian.

Pada majlis tersebut juga seramai 98 orang anak kepada 48 orang staf menerima Bantuan Awal Persekolahan sebanyak RM100 setiap orang.



Dalam majlis tersebut, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK dalam ucapannya berkata semua pihak perlu membantu pelajar melalui pelbagai kaedah salah satunya ialah dengan wang zakat. Katanya juga, Pusat Islam akan menjalankan lebih banyak kempen bayar zakat melalui Pusat Islam supaya manfaatnya dapat diagihkan kepada pelajar yang memerlukan. Turut hadir sama dalam majlis tersebut, Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Yang Menjalankan Tugas Pendaftar, Bendahari serta Wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).



# KONVENSYEN PENTADBIR HAL EHWAL ISLAM IPT NEGERI KELANTAN

Oleh: Wan Mohd Amir bin Yusoff

**BACHOK, 28 APRIL 2019** – Pusat Islam UMK telah menganjurkan Konvensyen Pentadbir Hal Ehwal Islam Institut Pengajian Tinggi Negeri Kelantan 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar UMK Bachok.

Konvensyen tersebut dirasmikan oleh En. Mohd Akhmal bin Abu Bakar, Yang Menjalankan Tugas Pendaftar UMK. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau berharap supaya konvensyen seperti ini perlu diadakan secara berkala dari semasa ke semasa.

Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, konvensyen ini merupakan pengajuran pertama yang diadakan dengan melibatkan 15 IPTA/S di negeri Kelantan.

Beliau menyatakan bahawa objektif pengajuran konvensyen tersebut adalah sebagai platform menyatukan pentadbir-pentadbir Hal Ehwal Islam IPT di negeri Kelantan dan dapat meluaskan minda/idea berkenaan dengan pengurusan Pusat Islam/Bahagian Islam/Unit Islam serta mengeratkan hubungan silaturahim/kerjasama.

Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad juga memaklumkan bahawa 3 pembentangan daripada wakil Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (USM), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Pertra (KIAS) dan Pusat Islam UMK berkenaan pentadbiran, pengurusan kewangan serta pengurusan pengajuran program kerohanian di IPTA/S telah berlangsung dengan jayanya.

Pada konvensyen tersebut juga telah diadakan Mesyuarat Penubuhan Jawatankuasa Pentadbir Hal Ehwal Islam IPT Negeri Kelantan dan mesyuarat telah melantik Pengarah Pusat Islam UMK sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pentadbir Hal Ehwal Islam IPT Negeri Kelantan, manakala Timbalan Pengerusi disandang oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam USM Kampus Kesihatan Kubang Kerian.



WAKIL KIAS



WAKIL PUSAT ISLAM  
USM KUBANG KERIAN



# Kunjungan YADIM Kelantan ke Pusat Islam UMK

Oleh: Norma binti Abdullah

**BACHOK, 10 MAC 2019** - Pusat Islam UMK telah menerima kunjungan daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Kelantan.

Pengarah YADIM Negeri Kelantan, Ustaz Mahadi bin Awang berkata kunjungan ini merupakan aktiviti tahunan untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta membincangkan program/aktiviti dalam bentuk kerjasama antara dua agensi ini.

Tambah beliau, beberapa tahun kebelakangan ini banyak program/aktiviti yang telah dianjurkan secara bersama di antara YADIM Negeri Kelantan dengan Pusat Islam UMK dalam pelajar UMK. Hubungan dua hala ini banyak memberikan manfaat terutamanya kepada pembangunan insan pelajar hasil daripada pengajaran program/aktiviti.

Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dalam ucapannya berkata pihak YADIM Negeri Kelantan telah bersetuju untuk mengadakan program kerjasama dalam masa terdekat berkenaan pemantapan akidah dikalangan siswa IPT/S negeri Kelantan.



## BANTUAN TIKET BALIK KAMPUNG

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

**BACHOK, 6 JULAI 2019** - Pusat Islam UMK telah memperkenalkan skim Bantuan Tiket Balik Kampung kepada pelajar UMK. Bantuan tersebut mensasarkan pelajar yang mempunyai keluarga berpendapatan terendah dalam kumpulan B40.



Permohonan bantuan tersebut telah dibuka dari minggu pertama Ramadan sehingga minggu ketiga. Majlis penyerahan bantuan tersebut telah disempurnakan oleh Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK.

Seramai 30 orang pelajar dipilih dari ketiga-tiga kampus dengan kos RM5,000 diagihkan kepada 11 orang pelajar Sabah dan Sarawak serta 19 orang pelajar seluruh semenanjung.

Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK dalam ucapannya berkata, "Pusat Islam UMK akan sentiasa membantu pelajar yang memerlukan melalui dana zakat dan infaq untuk membela nasib pelajar golongan asnaf fakir dan miskin di UMK. Pelajar tidak perlu malu untuk datang memohon bantuan di Pejabat Pusat Islam UMK, malah pejabat Pusat Islam UMK sentiasa terbuka dan mengalu-alukan kunjungan pelajar yang memerlukan".

# Lawatan Penanda Aras PIUMK ke UniMAP, KUIPs & UUM

Oleh: Wan Mohd Amir bin Yusoff

**9 APRIL 2019** – Pusat Islam UMK telah mengadakan lawatan penanda aras ke Pusat Islam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Lawatan tersebut diketuai oleh Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad dan disertai oleh 11 orang staf Pusat Islam UMK dan 2 orang yang palajar pratikum.

Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, lawatan sebegini merupakan program tahunan Pusat Islam UMK bagi memberikan ruang kepada staf untuk mempelajari serta menambah ilmu pengetahuan berkaitan dengan hal-hal berkaitan pengurusan Pusat Islam dan penganjuran program/aktiviti.

Hari pertama lawatan adalah ke Pusat Islam UniMAP dan disambut oleh Pengarah Pusat Islam UniMAP, Prof. Madya Dr. Shuhairimi bin Abdullah. Manakala di sebelah petang pula, lawatan ke Pusat Islam KUIPs dan sambut oleh Ketua Pusat Islam KUIPs, Ustaz Mazlan bin Zolkifli.

Pada hari kedua lawatan diteruskan ke Pusat Islam UUM, kehadiran disambut oleh Pengarah Pusat Islam UUM, Prof. Madya Dr Ismail Ishak serta seluruh staf dan taklimat berkenaan Pusat Islam UUM telah disampaikan oleh Ustazah Siti Khairiah binti Parlan, Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan.



PUSAT ISLAM UniMAP



PUSAT ISLAM UUM



PUSAT ISLAM KUIPs



# Lawatan Rumah Pelajar Asnaf

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

**9 JUN 2019** – Seramai 10 orang pelajar dari ketiga-tiga kampus telah dipilih untuk menerima bantuan kewangan secara bulanan sepanjang pengajian di UMK. Pelajar ini dipilih berdasarkan latar belakang keluarga yang berpendapatan terendah dalam kumpulan B40. Dalam kalangan mereka juga, terdapat anak yatim dan yatim piatu yang tiada tempat untuk bergantung sepanjang belajar di UMK.

Pusat Islam UMK mengambil inisiatif memberi bantuan kewangan secara bulanan kepada mereka sebanyak RM300 untuk mengurangkan beban kewangan sepanjang pengajian.

Pusat Islam UMK telah mengadakan siri lawatan ke rumah pelajar saraan Pusat Islam UMK bermula awal Ramadan dan berakhir minggu pertama Syawal 1440H yang lalu. Dalam lawatan lawatan tersebut,

Pengarah Pusat Islam UMK, Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad menyampaikan hamper dan duit raya kepada 10 orang pelajar tersebut.

Beliau dalam siri lawatan tersebut berkata “Selain memberikan bantuan kewangan, Pusat Islam UMK juga akan sentiasa memantau prestasi akademik 10 orang pelajar ini dan akan sentiasa memberi semangat serta sokongan untuk mereka belajar bersungguh-sungguh. Kami berharap suatu hari nanti mereka akan dapat mengubah nasib keluarga mereka setelah habis belajar”.

Turut hadir dalam sesi lawatan tersebut ialah Mohd Binyamin bin Che Yaacob, Ketua Unit Zakat Kebajikan dan Keusahawanan serta beberapa orang staf Pusat Islam UMK. Program lawatan ini akan menjadi program tahunan Pusat Islam UMK dalam mendekati dan menyelami kehidupan keluarga pelajar tersebut.





# DAURAH KITAB

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin  
Muhd Uthman El-Muhammady

**JELI, 30 MAC 2019** - Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan di bawah Unit Pendidikan dan Pembangunan Insan (UPI) telah menganjurkan program Daurah Kitab “Bulughul Maram” yang disyarahkan oleh Prof. Madya Dr. Muhiden bin Abd Rahman, pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Nilam Puri Kelantan. Program ini telah diadakan di Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-lz Petra UMK kampus Jeli pada 30 Mac 2019 iaitu pada hari Sabtu. Program bermula pukul 8.00 pagi sehingga 4.00 petang.

Program ini telah dihadiri oleh komuniti setempat dan pelajar Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli Kelantan. Jumlah peserta bagi program ini adalah seramai 60 orang peserta. Daurah Kitab membincangkan mengenai hukum-hukum feqah seperti bab taharah, jenazah, solat dan sebagainya dengan terperinci dalil-dalil dan hukum-hukum dalam kitab tersebut.



## KONVENSYEN KEBANGSAAN PENGURUSAN EKONOMI MASJID & LAWATAN KERJA JAHEIS KE MASJID-MASJID DI SINGAPURA

**1 MAC 2019** — Seramai 33 orang Pengarah-pengarah Pusat Islam daripada 25 buah universiti awam dan swasta telah menyertai Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Ekonomi Masjid & Lawatan kerja ke Masjid Singapura.

Program yang berlangsung selama dua hari itu telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTM, Prof. Dr. Durrishah Bte Idrus di Dewan Senat, UTM Johor Bahru.

Penyelaras Program, Rahmawatulhusna Sokhipulhadi berkata program kali ini merupakan program tiga dalam satu melibatkan Konvensyen Pengurusan Masjid, Mesyuarat JAHEAIS dan lawatan rasmi ke Masjid-masjid di Republik Singapura. Antara masjid-masjid yang dilawati adalah Masjid Yusof Ishak, Masjid al-Islah, Masjid Sultan dan Masjid Teluk Belangah, Singapura.

Lawatan ini bagi memberi peluang untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman dengan pentadbir-pentadbir masjid di Singapura tentang kaedah pentadbiran masjid moden yang lebih berkesan di samping memperolehi pengalaman berguna berkenaan dengan aspek penjana kewangan untuk masjid.

Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK dalam lawatan tersebut berkata, “Program berbentuk siri lawatan seperti ini amat baik dan bermanfaat kepada Pusat Islam UMK melalui perbincangan mengenai rancangan mewujudkan masjid yang bersifat autonomi dalam aspek penjana kewangan yang berkesan tanpa pergantungan sepenuhnya kepada kutipan dan derma semata-mata. Peserta juga berpeluang untuk berbincang dalam mewujudkan program yang boleh menjana ekonomi masjid di samping mengambil idea program-program pengimarah masjid yang dapat memberikan impak tinggi kepada pembangunan modal insan dan negara”.



# IHYA' RA

Oleh: Nor Zakwan bin Che Musa

**BACHOK** – Pusat Islam UMK telah mengadakan Program Ihya Ramadan 1440H bertempat di ketiga-tiga kampus. Program Ihya Ramadan kali diisi dengan aktiviti program seperti kebiasaan tahun sebelumnya. Menariknya pada tahun ini, Pusat Islam selaku amil zakat UMK telah mengadakan beberapa aktiviti iaitu Jelajah Sinar Ramadan kepada asnaf masyarakat setempat, Program Singgah Sahur, bantuan raya, bantuan kepada anak-anak yatim dan sebagainya.

Aktiviti kuliah zohor setiap hari berkenaan bulan Ramadan dengan pelbagai tajuk yang disampaikan oleh staf UMK dari pelbagai latar belakang bertempat di tiga-tiga kampus.

Pada tahun ini, Pusat Islam dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) telah menyediakan juadah berbuka puasa kepada pelajar pada setiap hari sepanjang bulan Ramadan bertempat di Masjid/Surau ketiga-tiga kampus. Juadah berbuka puasa tersebut melibatkan sumbangan dana ramadan daripada staf UMK dan Pejabat HEPA.

Pada kali ini juga, Pusat Islam menjemput NGO Aman Palestin bersama Sheikh Moath Jamal bin Mohammad Yacoub untuk program 'Save RM1 For Gaza' dengan pengisian solat terawih secara berjemaah dan perkongsian isu-isu Palestin. Seramai 100 orang pelajar dari Kampus Kota dan Kampus Bachok menyertai program ini. Sumbangan ini sedikit sebanyak membantu saudara-saudara kita yang ditindas di negara Palestin.



KAUNTER BAYARAN ZAKAT FIRAH



TADARUS AL-QURAN



KULIAH ZOHOR



MAJLIS BERBUKA PUASA

# MADAN

## 1440H@PIUMK

Pada penghujung Ramadan, Pusat Islam UMK telah mengadakan **MAJLIS BERBUKA PUASA PERDANA** bertempat di Masjid UMK Bachok. Sempena Majlis Berbuka Puasa Perdana ini, Pusat Islam turut mengadakan Forum Islam Kelantan.fm dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kelantan. Forum yang bertajuk "Syawal Kembali Kepada Fitrah" turut menampilkan ahli panel yang hebat iaitu Ustaz Ameer Azezy bin Tuan Abdullah, Pegawai Baitulmal Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam. Manakala forum ini dikendalikan oleh moderator Ustaz Haji Muhamad Adnan bin Haji Muhamad Kasim, Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Tanah Merah.

Selain itu, majlis berbuka puasa perdana ini juga diselitkan dengan majlis khatam al-Quran melibatkan pelajar UMK yang mengikuti tadarus al-Quran sepanjang bulan Ramadan dalam program Sahabat al-Quran. Seramai 22 orang peserta telah mengikuti program ini selama sebulan dan berjaya khatam 30 juzuk al-Quran.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Prof. Ts. Dr. Zaliman bin Sauli, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Encik Mohd Akhmal bin Abu Bakar, Menjalankan Tugas Pendaftar yang bersama-sama menyampaikan Bantuan Sokongan Pengajian Pelajar berjumlah RM55,000 kepada pelajar UMK dan sumbangan hamper raya RM150 kepada 51 orang pekerja pembersihan di UMK Bachok. Manakala RM3,000 bantuan diberikan kepada anak-anak yatim dari penduduk sekitar mukim Neman.

Pada akhir majlis, semua hadirin dijemput menjamu selera dengan berbuka puasa secara beramai-ramai di koridor Masjid UMK Bachok.



MAJLIS KHAMAT AL-QURAN



FORUM ISLAM KELANTAN.fm



AGIHAN DUIT RAYA KEPADA ANAK YATIM



AGIHAN ZAKAT KEPADA PELAJAR UMK



AGIHAN DUIT RAYA KEPADA PEKERJA PEMBERSIHAN

# 300 PELAJAR

## Terima Manfaat Program Kupon Makan Percuma PIUMK

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

Seramai 300 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mendapat manfaat daripada program Kupon Makan Percuma anjuran Pusat Islam UMK, sepanjang tempoh Januari sehingga Jun 2019 membabitkan peruntukan berjumlah RM22,500.

Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad berkata, usaha yang dilaksanakan itu bertujuan untuk meringankan beban pelajar melalui sumbangan berupa bantuan makanan dengan menyasarkan pelajar daripada golongan asnaf.

Beliau berkata, program ini meliputi bantuan makanan menggunakan kupon yang diberikan kepada pelajar. Pelajar akan menebus kupon tersebut dengan makanan di kafe sekitar UMK yang telah dipilih oleh Pusat Islam UMK. Kafe yang terpilih adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti premis yang bersih, harga makanan yang berpatutan dan memenuhi syarat pembekal makanan oleh universiti serta diperakui oleh Pusat Kesihatan Universiti.

Program yang bermula sejak tahun lalu itu memberi manfaat kepada pelajar membabitkan ketiga-tiga kampus iaitu UMK Bachok, Kampus Kota dan Kampus Jeli yang bermatlamat membantu para pelajar yang kurang berkemampuan dari sudut kewangan bukan kepada pelajar muslim sahaja, malah pelajar bukan Islam juga dapat menikmati bantuan tersebut.

Antara inisiatif dan pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam UMK adalah dengan memberi bantuan kupon makanan percuma dan tajaan berbuka puasa, katanya selepas Program Sejam Bersama al-Quran di Masjid UMK Bachok, baru-baru ini.

Menurut Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, program kupon makan ini disasarkan ketika musim peperiksaan iaitu bulan Januari dan Jun. Pihak Pusat Islam telah mengagihkan kupon makanan sebanyak 15 keping kupon berjumlah RM75 setiap pelajar. Setiap kupon mempunyai nilai RM5 untuk sekali makan.



Program ini dilaksanakan melalui program Infaq iaitu skim potongan gaji daripada staf secara bulanan sebagai usaha untuk membudayakan amalan infaq di kalangan staf UMK untuk menampung perbelanjaan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti berorientasikan kebajikan yang dianjurkan.

Sehubungan itu, pihak Pusat Islam amat mengalu-alukan penglibatan lebih ramai staf UMK untuk menyumbang dan merebut ganjaran pahala bersedekah melalui skim potongan gaji bulanan kadar minimum sebanyak RM3.00 sebulan.



# Program We are KHALIFAH

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady

**BACHOK, 23 APRIL 2019** – Pusat Islam UMK dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) telah menganjurkan Program We Are Khalifah bertempat di Pusat Islam UMK Bachok yang berteraskan kepada 3 konsep iaitu Qalb (Hati), kerja sebagai ibadah dan lhsan.

Objektif program ini adalah untuk memperkasakan pembangunan insaniah warga universiti serta menjelaskan konsep dan peranan staf sebagai khalifah berdasarkan neraca syarak. Selain itu, pendedahan kepada pendidikan dan pembersihan hati dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam yang beramanah dan berintegriti kepada agama, negara dan ummah serta menekankan aspek kerja sebagai ibadah dan kepentingannya kearah perubahan yang positif terhadap perkhidmatan staf.

Menurut penyelaras program, Ustaz Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady, program ini dimuatkan dengan dengan tiga sesi iaitu sesi pertama bertajuk “Kepimpinan Perspektif Islam” yang mana tajuk ini dirangkaikan oleh Dato’ Dr. Hj. Abdul Basit bin Hj. Abdul Rahman, Mudir Pondok Sungai Durian.

Manakala, sesi kedua pula adakah perkongsian berkenaan muhasabah diri “Dari Mana Nak Ke Mana” yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK. Program tersebut diakhiri dengan sesi bersama Pengasas Akademi Magnet Sukses (AMS) iaitu En. Amin bin Idris dengan kupasan tajuk “Leader vs Bosku”.

Encik Azim Abdul ‘Azim bin Ab Razak, Penolong Pendaftar Kanan HRD, menyatakan bahawa program ini adalah julung kalinya Pusat Islam UMK dengan kerjasama HRD mengadakan kursus tersebut. Tambah beliau lagi, program sebegini akan dijadikan program tahunan dalam modul pembangunan staf.



# KEMPEN KESEDARAN HALALAN TAYYIBAN & KURSUS SEMBELIHAN MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin  
Muhd Uthman El-Muhammady

**BACHOK, 9 MAC 2019** - Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) telah mengadakan Kempen Kesedaran Halalan Tayyiban & Kursus Sembelihan mengikut Perspektif Islam.

Kursus tersebut disertai seramai 120 orang peserta terdiri daripada masyarakat setempat, pelajar dan staf UMK.

Penceramah jemputan bagi kursus tersebut ialah YBr. Haji Zailani bin Haji Hussin, Pegawai Veteriner Negeri Kelantan dan YBr. Ustazah Sarah binti Ibrahim, Penolong Pegawai Persijilan Halal serta YBr. Ustaz Abdul Hafiz bin Ahmad, Penolong Hal Ehwal Islam Bahagian Pengurusan Halal JAHEIK.

Ketua Penolong Pengarah Pengurusan Halal, Ustaz Anuar Al Sadat bin Haji Noor berkata, masyarakat perlu memahami cara sembelihan dan hukum-hukum yang berkaitan dengan pemakanan yang halal mengikut syarak. Demikian juga, program kerjasama ini sangat penting bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan kesedaran Halal dan sembelihan halal. Kursus tersebut berakhir dengan majlis perasmian yang disempurnakan oleh Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK.



# KEM BESTARI SOLAT

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin  
Muhd Uthman El-Muhammady

**BACHOK, 28 MAC 2019** – Pusat Islam UMK dengan kerjasama Kelab Kebajikan Staf Universiti (KKSU) telah mengadakan program Kem Bestari Solat di Masjid UMK Bachok. Seramai 120 orang peserta menyertai kem tersebut yang terdiri daripada anak-anak staf UMK dan masyarakat sekitar yang berumur 8 tahun hingga 12 tahun.

Program bermula pada jam 8.00 pagi sehingga jam 4.00 petang. Fasilitator yang mengendalikan program ini adalah daripada kalangan staf Pusat Islam UMK dan dibantu oleh beberapa orang ahli Jawatan Kuasa Teman (JT UMK).

Terdapat 3 slot yang dijalankan dalam program ini. Slot pertama bermula pada jam 9.00 pagi yang mana pengisian tentang rukun-rukun solat, perkara-perkara sunat, makruh dan membatalkan solat (kesempurnaan solat). Seterusnya, slot kedua pula bermula pada jam 11.00 pagi yang mana pengisian tentang bacaan dalam solat. Manakala, slot ketiga adalah majlis penutup dan penyampaian sijil kepada para peserta.

Program ini dirasmikan oleh Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad. Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan bahawa program ini merupakan salah satu program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang dianjurkan Pusat Islam UMK pada tahun 2019. Dengan harapan program ini akan memberikan impak yang positif dalam memperkasakan generasi pelapis akan datang.



# SEMINAR KECEMERLANGAN MAHASISWA

## PROGRAM UAZ SELANGOR

Oleh: Khairuddin bin Mat Lazim

**27 APRIL 2019** – Pusat Islam UMK telah mengajurkan Seminar Kecemerlangan Mahasiswa yang melibatkan 80 orang pelajar penerima zakat Selangor dan zakat korporat UMK.

Pencermah jemputan bagi seminar tersebut ialah Dr. Marwan Bin Ismail, Pensyarah Kanan UMK bagi slot pertama dan slot kedua ialah Prof. Madya Dr. Norhayati Binti Luddin, Pensyarah Pergigian, USM Kampus Kubang Kerian.

Seramai 80 peserta di kalangan pelajar yang terdiri dari asnaf penerima zakat UMK menyertai program tersebut.

Menurut penyelarasan seminar antara objektif pengajaran adalah untuk mendedahkan kepada pelajar tentang kesedaran menggapai kecemerlangan dari segenap sudut bukan sekadar kecemerlangan akademik sahaja. Di samping itu, suntikan motivasi ke arah kecemerlangan pelajar juga diterapkan dalam seminar tersebut.



## Ziarah Mahabbah

# KELUARGA STAF MENINGGAL DUNIA

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

**9 JUN 2019** –Pusat Islam UMK telah mengadakan siri ziarah ke rumah keluarga staf UMK yang telah meninggal dunia. Program tersebut bermula awal Ramadan 1440H dan berakhir minggu pertama Syawal 1440H yang lalu.

Semenjak penubuhan UMK pada tahun 2006 sehingga sekarang, seramai 12 orang staf UMK telah meninggal dunia. Unit Zakat Kebajikan dan Keusahawanan, Pusat Islam UMK merancang program ziarah ke rumah keluarga staf yang meninggal dunia untuk menyambung silaturrahim serta menyelami kehidupan keluarga arwah setelah beberapa tahun pemergian arwah.

Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK berkata, “Kita harap hubungan silaturrahim antara UMK dan keluarga arwah tidak putus dengan mengadakan siri lawatan mahabbah seperti ini dan mengundang keluarga arwah bersama dalam

Program-program tertentu anjuran UMK”. Beliau berkata demikian ketika melawat serta memberi sumbangan Aidilfitri kepada Cheam Chai Li, isteri kepada mendiang Dr. Ong Soon Chuan, bekas pensyarah Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.

Pusat Islam juga membuat lawatan ke rumah keluarga arwah Ustaz Azlan bin Mat Hussin, bekas staf Pusat Islam UMK yang meninggal dunia pada tahun 2012.





# Gerobok @ PIUMK

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

Setiap hari Ahad, sebanyak seratus bungkus roti, biskut, air kotak dan beberapa jenis makanan lagi diletakkan di dalam Gerobok Makanan Pusat Islam UMK yang ditempatkan di tiga-tiga kampus. Rata-rata pelajar yang sudah mengetahui mengenai makanan percuma ini pasti akan mendapatkannya sebagai makanan sokongan di musim pengajian.

Walaupun pemberian ini sangat sederhana, namun ia adalah usaha untuk membantu pelajar mengambil sarapan sebelum memulakan tugas sebagai pelajar. Usaha murni menyediakan makanan sokongan secara percuma ini adalah inisiatif Pusat Islam UMK bagi memberi peluang kepada pelajar kurang berkemampuan menikmati makanan sihat yang boleh memberikan tenaga. Makanan yang disediakan di dalam Gerobok Makanan adalah melalui nasihat Pusat Kesihatan Universiti (PKU) untuk menjamin kesihatan pelajar dan mengelakkan dari keracunan makanan.

Walaupun ia bukanlah makanan utama tetapi pemberian ini membolehkan pelajar yang kurang berkemampuan mengisi perut dengan makanan berkhasiat sebelum mengambil makanan berat.

Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata "Pemberian ini bukanlah untuk menyempurnakan keperluan tetapi hanya sebagai tambahan agar dapat mengurangkan bebanan kepada pelajar. Oleh yang demikian, lebih banyak barang diperlukan bagi memenuhi keperluan pelajar terutama di musim peperiksaan". Pusat Islam akan meneruskan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat bukan saja kepada penerima tetapi penderma. Budaya bersedekah memberikan keinsafan untuk mereka memahami kehidupan golongan kurang berkemampuan.



## TRAKAMAN TAKBIR RAYA AIDILFITRI 1440H/2019M

BACHOK, 26 MEI 2019 – Pusat Islam dengan kerjasama Pusat Komunikasi Korporat UMK telah mengadakan satu rakaman takbir raya sempena menyambut hari raya Aidilfitri 1440H. Turut serta semasa rakaman tersebut ialah YBhg. Prof. Ts. Dr Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK serta pegawai-pegawai kanan universiti. Takbir raya tahun ini dipimpin oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam dan turut dibantu oleh 2 orang staf Pusat Islam UMK bagi memimpin takbir raya. Pada tahun ini, pihak Pusat Komunikasi Korporat sekali lagi memilih tasik UMK sebagai lokasi untuk rakaman takbir raya tersebut. Takbir raya UMK ini boleh ditonton di UMK TV.



# LAWATAN PENANDA ARAS PUSAT ISLAM UTeM ke PUSAT ISLAM UMK

Oleh: Wan Mohd Amir bin Yusoff

**BACHOK, 14 APRIL 2019** - Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima kunjungan seramai 11 orang staf daripada Pusat Islam Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang diketuai oleh Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr Muhd Akmal Noor @ Buang bin Rajikon.

Pengarah Pusat Islam UTeM, dalam ucapannya menyatakan bahawa lawatan tersebut merupakan aktiviti tahunan Pusat Islam UTeM ke Pusat Islam Universiti Awam (UA) sebagai salah satu inisiatif bagi mendapatkan maklumat dan dijadikan panduan serta contoh untuk diamalkan di Pusat Islam UTeM. Di samping itu, kunjungan sebegini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara staf ke dua-dua Pusat Islam.

Menurut Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK, kunjungan tersebut banyak membincangkan tentang pengurusan penganjuran program kerohanian serta perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat Islam UMK. Tambahan beliau, pada sesi lawatan tersebut Pengarah Pusat Islam UTeM amat tertarik dengan kelengkapan dapur yang ada di Pusat Islam UMK.

Beliau berharap hubungan antara kedua-dua Pusat Islam tidak terhenti dengan kunjungan tersebut semata-mata dan diharapkan hubungan dua hala yang terbina ini akan berterusan sama ada secara langsung atau tidak langsung di masa hadapan.



# Kerja Till Jannah: #BersamaKeSYURGA

Oleh: Norma binti Abdullah

**BACHOK, 30 JUN 2019** - Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan program Kerja Till Jannah: #BersamaKeSYURGA bermula Februari 2019 dan sehingga Jun 2019 6 Pusat Tanggungjawab (PTj) di UMK telah terlibat dengan program tersebut. Menurut Wan Mohd Amir bin Yusoff, penyelar program Kerja Till Jannah menyatakan bahawa program tersebut merupakan program yang baru diperkenalkan oleh Pusat Islam UMK pada tahun ini yang berkonsepkan turun padang (*Meet & Share*) ke PTj mengikut jadual yang telah ditetapkan.



Penyelaras program memaklumkan bahawa program ini akan diadakan secara berterusan. Antara pengisian dalam program tersebut adalah tazkirah berkenaan kerja sebagai ibadah, sesi

soal jawab agama, promosi pemotongan zakat melalui potongan gaji, promosi program infak dan di akhiri dengan perkongsian daripada wakil PTj.

## PROGRAM *Singgah Sahur*

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

**29 MEI 2019** - Pusat Islam UMK dengan kerjasama alumni SME@UMK telah mengadakan siri Bantuan Singgah Sahur pada 28 dan 29 Mei 2019. Program bantuan tersebut berkonsepkan bantuan juadah sahur yang mensasarkan gelandangan dan pekerja syif malam sekitar Kota Bharu.

Sebanyak 100 bungkus makanan telah diagihkan di sekitar stesen bas Lembah Sirih, stesen bas bandar Kota Bharu, stadium Kota Bharu dan sekitar Masjid Muhammadi Kota Bharu. Program yang bermula pada pukul 10.00 malam itu disertai oleh staf Pusat Islam UMK dan beberapa orang wakil staf PTj lain.

Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak, Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK yang turut serta dalam program tersebut berkata, "Staf UMK dan masyarakat Kelantan perlu mengetahui bahawa ramai gelandangan sekitar Kota Bharu yang amat memerlukan bantuan. Masih ramai gelandangan tidak mempunyai rumah dan menjadikan kaki lima premis kedai sebagai tempat bermalam. Nikmat rezeki yang Allah kurniakan kepada kita perlu dikongsi bersama mereka sebagai tanda syukur kita kepada Allah".

Program bantuan tersebut berakhir pada pukul 4.00pagi dan akan dijadikan program tahunan Pusat Islam UMK terutamanya pada bulan Ramadan.



# Jelajah Sinar Ramadan

## AGIH KEPERLUAN HARIAN KEPADA 100 ASNAF

Oleh: Khairudin bin Mat Lazim

**BACHOK, 9 JUN 2019** –Pusat Islam UMK dengan kerjasama persatuan SME@UMK dan Al-Ikhsan Sport telah mengagihkan 100 barangan keperluan harian kepada golongan asnaf dan fakir miskin di sekitar UMK Bachok.

Penyelaras program tersebut, Mohd Binyamin bin Che Yaacob berkata sumbangan yang diperoleh hasil tajaan staf UMK, alumni SME@UMK, pihak swasta dan persendirian itu dimanfaatkan kepada 100 keluarga di daerah Bachok iaitu kampung Neman, Melawi, Pantai Chat, Mujor, Seneng dan Jelawat diagihkan bermula 9 Mei hingga 30 Mei 2019 dan berakhir sebelum Aidilfitri.

Sumbangan menerusi Pusat Islam UMK dilancarkan bermula 3 minggu sebelum Ramadan di tiga-tiga kampus dan telah mendapat tajaan sebanyak hampir RM16,000.00 berbentuk tunai dan barangan.

Pusat Islam UMK dengan kerjasama ketua-ketua kampung telah mengenal pasti golongan miskin dan asnaf bagi membolehkan sumbangan disalurkan kepada mereka. Program ini adalah sebagai bantuan untuk meringankan beban golongan tersebut menghadapi bulan Ramadan kali ini.

Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK berkata, "Kita harap bantuan

ini akan meringankan beban penerima disamping membuktikan keprihatinan UMK dalam mendekati dan membantu golongan memerlukan pada setiap masa. Program ini bertepatan dengan hasrat Universiti dalam membantu masyarakat yang memerlukan". Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Jelajah Sinar Ramadan yang disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail.

Antara barangan yang diagihkan termasuk beras, minyak masak, gula, tepung, sardin, kordial, bawang dan sebagainya dengan nilai setiap pek bantuan dianggarkan RM120.



# Bicara AMBANG RAMADAN

Oleh: Norma binti Abdullah

**PENGKALAN CHEPA, 5 MEI 2019** - Pusat Islam UMK telah mengadakan Program Bicara Ambang Ramadan dan Pelancaran Dana Ramadan 2019/1440H. Program yang diadakan julung-julung kali ini di hadiri oleh YB. Sahibul Fadhilah Dato' Haji Nik Abdul Kadir bin Haji Nik Mohamad sebagai penceramah bagi slot Fiqh Puasa yang berkongsi berkaitan persoalan-persoalan berkenaan permasalahan yang berkaitan puasa ramadan. Beliau yang bergandingan bersama YBhg. Prof. Madya Dr Zain bin Mubarak, Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK sebagai moderator menerima pertanyaan berkaitan fiqh dan permasalahan puasa daripada staf dan pelajar UMK.

Manakala slot Bicara Ramadan Menjejak Bidadari Syurga di sampaikan oleh Ustazah Isfadhiah binti Mohd Dasuki, Selebriti TV bergandingan dengan Puan Nurul Iman binti Bukhari, Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insaniah UMK sebagai moderator berkongsi mengenai peranan dan tanggungjawab wanita sebagai mahasiswa dan sebagai wanita bekerjaya disamping tugas sebagai seorang isteri dan ibu dalam institusi kekeluargaan.

Program yang dihadiri seramai 200 orang peserta terdiri daripada staf dan pelajar UMK.





Universiti Malaysia  
**KELANTAN**



**BICARA AMBANG RAMADAN & PELANCARAN  
DANA RAMADAN UMK 2019/1440H**

**Fiqh  
Puasa**

Bersama  
YB. Sahibul Fadhilah  
Dato' Haji Nik Abdul Kadir  
bin Haji Nik Mohamad  
Timbalan Mufti  
Negeri Kelantan

**5 MEI 2019 (AHAD)**  
BERSAMAAN 29 SYAABAN 1440H  
9.00 PAGI 1.00 TENGAH HARI  
DEWAN KEUSAHAWANAN, UMK KAMPUS KOTA

BICARA RAMADAN  
BERSAMA

**Menjejak  
Bidadari  
Syurga**

USTAZAH  
MOHD DASUKI  
Selebriti TV



Penampilan  
Istimewa  
USTAZAH ISFADIAH  
MOHD DASUKI  
Selebriti TV

Semua Dijemput Hadir

Anjuran  
Pusat Islam UMK



OfficialUMK  
umk.edu.my

Entrepreneurship  
is Our Thrust

Kita  
#BinaLegasiUMK  
Bersama

#WeAreUMKFamily  
#OneUMKOneDream

# KUNJUNGAN HORMAT PUSAT ISLAM UMK KE BAHAGIAN PENGUATKUASAAN, JAHEAIK

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady

**KOTA BHARU, 21 APRIL 2019** - Pusat Islam telah mengadakan kunjungan hormat ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Kunjungan tersebut melibatkan 6 orang staf Pusat Islam UMK yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK.

Kunjungan tersebut disambut oleh Dato' Haji Che Mohd Rahim bin Haji Jusoh, Pengarah JAHEAIK, Ustaz Mohd Fadzuli bin Mohd Zain, Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan serta kakitangan. Kunjungan ini bertujuan untuk perkongsian maklumat dan perbincangan penganjuran program secara bersama di antara Pusat Islam UMK dan JAHEAIK. Antara program yang dibincangkan iaitu penerangan Enakmen Jenayah Syariah Negeri Kelantan kepada pelajar UMK terutamanya kepada pelajar baharu bagi sesi September 2019.

Seterusnya, dibawa ke Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah JAHEAIK dan taklimat diberikan oleh pegawai kanan berkenaan gerak kerja unit serta operasi unit tersebut di peringkat pusat (Kota Bharu) dan peringkat unit-unit di jajahan-jajahan seluruh negeri Kelantan.



# Ziarah Mahabbah PELAJAR SAKIT

Oleh: Khairuddin bin Mat Lazim

**MACHANG, 18 JANUARI 2019** — Pelajar semester akhir Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Abdul Halim Mat Hassan yang menghidap kanser pangkal hidung menerima kehadiran rombongan Pusat Islam UMK di kediamannya di Kampung Kok Kiak Baka, Machang, Kelantan.

Beliau merupakan penuntut Sarjana Muda Pengajian Warisan (Sastera), terpaksa menangguhkan program latihan industri pada awal tahun 2018 ekoran penyakit yang dialaminya semakin kritikal dan serius.

Sebagai tanda prihatin dan sokongan kepada pelajar tersebut, Pusat Islam yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK telah menghulurkan sumbangan zakat ketika kunjungan ziarah mahabbah ke rumah pelajar tersebut.

Abdul Halim merupakan anak ketujuh daripada 10 beradik itu terpaksa menangguhkan pengajian selepas disahkan menghidap kanser untuk menjalani rawatan kimoterapi dan radioterapi.

Kesan daripada radioterapi menyebabkan saluran pernafasan sempit dan telah menjalani pembedahan di leher memasukkan tiub di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II).

Turut hadir, Ketua Unit Zakat Kebajikan dan Keusahawanan, Mohd Binyamin bin Che Yaacob dan beberapa orang staf Pusat Islam. Pelajar tersebut akan diberi bantuan kewangan secara bulanan sepanjang pengajian memandangkan kesukaran hidup yang dihadapi. Bantuan tersebut juga diharapkan dapat membantunya menyelesaikan Latihan Industri untuk semester terakhir pengajiannya.





1



2



3



4



5

1 **Kaunter Zakat Bergerak @PIUMK**

2 **Khutbah Hari Raya Aidilfitri 1440H @PIUMK KAMPUS JELI - 5 Jun 2019**

3 **Kelas Tahsin Al-Quran @PIUMK KAMPUS JELI**

4 **Bicara Nisfu Syaaban – 21 April 2019: Ustaz Fikri Hamat, sedang menyampaikan ceramah di Surau UMK Kampus Kota**

5 **Majlis Penghargaan Pelajar Praktikum & Jamuan Raya @PIUMK – 17 Jun 2019**



- 6

**Mesyuarat Pemegang Amanah Zakat UMK kali pertama yang dipengerusikan oleh Naib Canselor UMK - 13 Mac 2019**
- 7

**Bantuan Zakat Khas (Staf Sakit) - 2019**

8

**Kelas Fardu Ain Siswi Bulanan**
- 9

**Ceramah Sempena Memperingati Peristiwa Israk Mikraj – 3 April 2019: Ustaz Baharin Yusoff, Imam Tua Masjid Mahmoodi, Bandar Bachok sedang menyampaikan ceramah di Masjid UMK Bachok**



## KENALI STAF PIUMK

Sudut kenali staf PIUMK kali ini memperkenalkan Ustaz Khairudin bin Mat Lazim. Beliau mula berkhidmat di UMK pada 30 Disember 2007 sebagai Pembantu Hal Ehwal Islam. Mendapat pendidikan rendah di Sek Keb. Long Ghafar 1988-1993, pendidikan menengah di Sek Men Ugama Arab Taqaddum Al-Maarif , Pasir Tumbuh 1994 - 1999 dan bertalaqqi di Mesir pada 2000-2005. Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Dengan Kepujian ) Syariah dari Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra 2010-2014 dan kemudian menyambung pengajian master dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Terbuka Malaysia (OUM) 2016-2019.

Beliau pernah mendirikan rumahtangga dan dikurniakan seorang cahayamata perempuan. Ustaz Khairudin cukup dikenali oleh warga UMK kerana keramahannya. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai penggerak masyarakat dan turut aktif terlibat menyampaikan dakwah dan ceramah motivasi dan turut menerima jemputan di sekitar Kelantan.



## TAHNIAH

Seluruh staf Pusat Islam UMK merakamkan ucapan tahniah kepada Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK yang dipilih sebagai Ahli Eksekutif Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Institusi Pengajian Tinggi (JAHEIS) berkuatkuasa 1 Mac 2019 sehingga 28 Februari 2021.

## TAHNIAH

Seluruh staf Pusat Islam UMK merakamkan ucapan tahniah kepada Ustazah Norma binti Abdullah yang telah melangsungkan perkahwinan dengan pasangannya Mohd Afiq bin Mat Soh pada 6 Jun 2019. Semoga ikatan yang terbina ini akan berkekalan hingga ke Syurga.



## Staf Baharu @PIUMK

Pusat Islam UMK mengalu-alukan kedatangan Encik Mohd Noor Redza bin Zakaria (Penolong Pegawai Tadbir – N29) dan Puan Intan Naquiah binti Abdul Rahim (Pembantu Tadbir – N19) yang baru ditugaskan di Pusat Islam UMK Bachok bermula 15 April 2019.



## Pelajar Praktikum @PIUMK

Pusat Islam UMK telah menerima empat orang pelajar UniSZA dan seorang pelajar USIM untuk menjalani latihan praktikal di Pejabat Pusat Islam UMK Bachok dan Kampus Jeli selama 4 bulan bermula Februari 2019 sehingga Mei 2019.

Pusat Islam UMK merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan serta komitmen yang diberikan oleh mereka yang bersama-sama membantu menggerakkan program/aktiviti sepanjang berada di Pusat Islam UMK.



Nur Hafizah binti Abdullah  
 Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)  
 Penempatan praktikal : Pusat Islam UMK Kampus Jeli



Nur Syairah binti Kamaruzaman  
 Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)  
 Penempatan praktikal : Pusat Islam UMK Bachok



Salmi Mardhiah binti Mat Hussin  
 Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)  
 Penempatan praktikal : Pusat Islam UMK Kampus Jeli




Nurul Nadia binti Fauzi  
 Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)  
 Penempatan praktikal : Pusat Islam UMK Bachok



Nur Afiqah binti Muhammad Arsat  
 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
 Penempatan praktikal : Pusat Islam UMK Bachok

## Penstrukturan Semula PIUMK

Penstrukturan semula Pusat Islam UMK telah dibuat pada 17 Jun 2019 bagi tujuan penambahbaikan urus tadbir yang sedia ada.





PUSAT  
ISLAM  
UMK

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# JOM TUNAIKAN ZAKAT

@PUSAT ISLAM UMK

ZAKAT PENDAPATAN

ZAKAT EMAS & PERAK

ZAKAT PERNIAGAAN

ZAKAT SIMPANAN

"Wahai orang-orang yang beriman, keluarkan zakat sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu."

(Surah Al-Baqarah : Ayat 267)

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI :

USTAZ MOHD BINYAMIN CHE YAACOB (UMK BACHOK & KAMPUS KOTA)

09-7797476 / 014-8371158

USTAZ MOHD HAFIZHUDDIN MAT NAZIZ (KAMPUS JELI)

09-9477371 / 013-3344198



PUSAT  
ISLAM  
UMK

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## JOM MENYUMBANG DI INFAQ@PIUMK

Dana Program Kerohanian, Bantuan Makanan dan  
Barangan Keperluan Harian Pelajar UMK

PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN

- Kupon makan
- Gerobok makanan
- Berbuka puasa



Sedekah@UMK

Hubungi Talian Zakat & Infaq PIUMK  
09-7717000/014-8371158

Nombor Akaun:

**0301-0006484-71-0**

(Bank Muamalat Malaysia Berhad)

**Pusat Islam  
Universiti Malaysia Kelantan**

Tel : 09-7797474

Emel : [pusatislam@umk.edu.my](mailto:pusatislam@umk.edu.my)

Facebook : PUSAT ISLAM UMK

